



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia

Aras 12, Blok E7, Kompleks E,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62590 PUTRAJAYA

Tel.: 03-8883 2545

Faks: 03-8889 5542

Email: anhisham@moh.gov.my

Ruj. Kami: KKM600-27/11/2 Jld 3(33)

Tarikh : 19 Jun 2019

Semua Pengarah Kesihatan Negeri  
Pengarah Hospital Kuala Lumpur

*YBhg Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,*

**SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA BILANGAN  
5/2019: PENGUKUHAN TADBIR URUS PERKHIDMATAN PEROLEHAN  
ORGAN DAN TISU KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**1. TUJUAN:**

Surat Pekeling ini bertujuan untuk memaklumkan tentang langkah pengukuhan tadbir urus Perkhidmatan Perolehan Organ dan Tisu Kadaverik di Kementerian Kesihatan Malaysia meliputi 3 peringkat iaitu di peringkat kebangsaan, jabatan kesihatan negeri dan hospital.

**2. LATAR BELAKANG:**

2.1. Bilangan pendermaan organ kadaverik di Malaysia masih lagi pada tahap yang rendah berbanding dengan Negara maju yang lain iaitu sekitar 30 kes sahaja setahun. Manakala, bilangan pesakit yang berada di dalam senarai menunggu organ terutamanya buah pinggang semakin meningkat lebih 20,000 orang. Kementerian Kesihatan Malaysia berpandangan bahawa inisiatif baru amat diperlukan bagi mempertingkatkan kadar pendermaan organ dan tisu kadaverik.

2.2. Usaha ini sejajar dengan arahan YB Menteri Kesihatan di dalam Mesyuarat Pasca Kabinet KKM bertarikh 28 Ogos 2018 untuk merangka pelan tindakan bagi mempertingkatkan bilangan pendermaan organ di Malaysia.

### **3. TANGGUNGJAWAB**

Pengarah Kesihatan Negeri bertanggungjawab terhadap tadbir urus Perkhidmatan Perolehan Organ dan Tisu di peringkat Jabatan Kesihatan Negeri manakala Pengarah Hospital bertanggungjawab terhadap tadbir urus di peringkat Hospital. Butiran lanjut adalah seperti di dalam lampiran 1.

### **4. PELAKSANAAN**

Butiran pelaksanaan adalah seperti di lampiran 1.

### **5. TARIKH BERKUATKUASA**

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa dari tarikh surat ini dikeluarkan dan dengan ini surat pekeliling terdahulu iaitu Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bil 4/2008: Perkhidmatan Perolehan Organ dan Tisu Kadaverik Kementerian Kesihatan Malaysia; no rujukan KKM87/P1/1/1/3 (18) bertarikh 22 April 2008 adalah terbatal.

### **6. PEMANTAUAN**

Semua Pengarah Kesihatan Negeri perlu mengemukakan laporan awal pelaksanaan pekeliling ini dalam tempoh 2 bulan dari tarikh surat ini dikeluarkan. Setiap negeri juga hendaklah menyelaras dan mengemukakan Laporan Prestasi Aktiviti Perolehan Organ Dan Tisu Kementerian Kesihatan Malaysia setiap 6 bulan.

## 7. PERTANYAAN


Sebarang pertanyaan lanjut mengenai pelaksanaan pekeliling ini boleh dikemukakan kepada:

Pengarah Perkembangan Perubatan  
Bahagian Perkembangan Perubatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 7, Blok E1, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62590 Putrajaya  
No telefon pejabat: (603) 88831047

Sekian terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

*Saya yang menjalankan amanah,*



(DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH)

s.k

- Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia
- Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
- Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)
- Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
- Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
- Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan & Sokongan Teknikal)
- Pengarah Pusat Darah Negara
- Pengarah Institut Penyelidikan Perubatan
- Ketua Perkhidmatan Perubatan Forensik
- Ketua Perkhidmatan Paediatric
- Ketua Perkhidmatan Otorinolaringologi
- Ketua Perkhidmatan Perubatan
- Ketua Perkhidmatan Anestesiologi dan Rawatan Rapi
- Ketua Perkhidmatan Perubatan Kecemasan
- Ketua Perkhidmatan Oftalmologi
- Ketua Perkhidmatan Patologi
- Ketua Perkhidmatan Perubatan Rehabilitasi
- Ketua Perkhidmatan Nefrologi
- Ketua Perkhidmatan Kardiologi
- Ketua Perkhidmatan Endokrinologi
- Ketua Perkhidmatan Gastroenterologi dan Hepatologi
- Ketua Perkhidmatan Perubatan Respiratori
- Ketua Perkhidmatan Geriatrik
- Ketua Perkhidmatan Neurologi
- Ketua Perkhidmatan Haematologi
- Ketua Perkhidmatan Rheumatologi
- Ketua Perkhidmatan Dermatologi
- Ketua Perkhidmatan Urologi
- Ketua Perkhidmatan Pembedahan Hepatobiliari
- Ketua Perkhidmatan Pembedahan Vaskular
- Ketua Perkhidmatan Pembedahan *Breast* & Endokrin
- Ketua Perkhidmatan Pembedahan Kardiotorasik
- Ketua Perkhidmatan Orthopedik
- Ketua Perkhidmatan Pembedahan Plastik dan Rekonstruktif
- Ketua Perkhidmatan Pembedahan Am
- Ketua Perkhidmatan Radiologi
- Ketua Perkhidmatan Perubatan Nuklear
- Ketua Perkhidmatan Pembedahan Paediatric
- Ketua Perkhidmatan Neurosurgeri
- Ketua Perkhidmatan Psikiatri
- Ketua Perkhidmatan Obstetrik & Ginekologi
- Ketua Perkhidmatan Pembedahan *Burn* & Trauma
- Ketua Pusat Transplan Negara
- Ketua Unit Transplantasi Jantung dan Paru-Paru, Institut Jantung Negara

**PENGUKUHAN TADBIR URUS PERKHIDMATAN PEROLEHAN ORGAN DAN  
TISU KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**1. LATAR BELAKANG**

- 1.1. Transplantasi organ dijalankan daripada penderma kadaverik atau penderma hidup. Penderma kadaverik boleh mendermakan buah pinggang, hepar, jantung dan paru-paru serta tisu seperti kornea, injap jantung, tulang dan kulit. Manakala penderma hidup boleh mendermakan salah satu buah pinggang atau sebahagian hepar kepada ahli keluarga terdekat.
- 1.2. Transplantasi dari penderma kadaverik lebih digalakkan kerana ia tidak melibatkan sebarang risiko komplikasi kepada penderma.
- 1.3. Terdapat 3 aktiviti utama yang dijalankan di dalam perkhidmatan transplantasi organ dan tisu kadaverik iaitu:
  - i. Proses Perolehan dan Transplantasi Organ dan Tisu
    - Pengesanan kes berpotensi bagi pendermaan organ dan tisu
    - Pengurusan kes berpotensi bagi pendermaan organ dan tisu
    - Pengurusan ahli keluarga dan waris penderma
    - Koordinasi proses perolehan organ dan tisu
    - Pembedahan perolehan organ dan tisu
    - Koordinasi penerima organ dan tisu
    - Pembedahan transplantasi organ dan tisu
  - ii. Penjagaan Selepas Pendermaan (Post Donation Care)
    - Sokongan psikologi kepada ahli keluarga penderma
  - iii. Promosi Derma Organ
    - Aktiviti pendidikan kepada orang awam dan anggota kesihatan
    - Pendaftaran pengikrar dan pengurusan pangkalan data pengikrar
    - Susulan terhadap pengikrar bagi memastikan status pengikrar diketahui oleh ahli keluarga terdekat.
- 1.4. Buat masa ini, koordinasi bagi proses perolehan organ dan tisu kadaverik dijalankan pada 3 peringkat seperti berikut:

- i. Peringkat Hospital: Pasukan Perolehan Organ dan Tisu (TOP team) bertanggungjawab mengenalpasti kes-kes berpotensi dan merujuk kes tersebut kepada PSTN. Anggota pasukan ini terdiri daripada kakitangan pelbagai jawatan dan jabatan yang berfungsi secara separuh masa. Selain daripada menjalankan tugas klinikal, mereka turut bertanggungjawab untuk menjalankan program promosi Derma Organ termasuklah ceramah dan kempen. Ahli pasukan TOP team dilantik oleh Pengarah Hospital. Ketika ini, terdapat sebanyak 60 pasukan TOP team diwujudkan di hospital seluruh Malaysia.
  - ii. Peringkat Wilayah : 7 Pusat Sumber Transplan Wilayah (PSTW) telah ditubuhkan bagi menyokong fungsi PSTN di peringkat wilayah. Pusat ini ditempatkan di 7 hospital yang mempunyai perkhidmatan neurosurgeri dan rawatan rapi. Walaubagaimanapun, kebanyakan PSTW hanya berfungsi untuk hospital masing-masing kerana kekangan sumber manusia dan lebih menumpukan kepada aktiviti promosi.
  - iii. Peringkat Kebangsaan: Pusat Sumber Transplan Nasional (PSTN) merupakan jabatan di Hospital Kuala Lumpur yang bertanggungjawab sebagai pusat rujukan kebangsaan untuk pendermaan organ kadaverik.
- 1.5. Proses penilaian dan koordinasi pendermaan buah pinggang dari penderma hidup pula dijalankan oleh pakar nefrologi di Hospital Kuala Lumpur dan Hospital Selayang. Manakala bagi hepar dijalankan oleh pakar-pakar di Hospital Selayang.
- 1.6. Pembedahan perolehan bagi setiap organ dan tisu dijalankan oleh pasukan pembedahan organ dan tisu dari perkhidmatan yang berkaitan. Senarai pasukan adalah seperti di **lampiran I**.
- 1.7. Pembedahan transplantasi organ dan perbankan tisu pula dijalankan di beberapa hospital di seluruh negara. Senarai pusat transplan dan bank tisu seperti di **lampiran II**.
- 1.8. Perkhidmatan lain yang terlibat di dalam aktiviti transplantasi organ dan tisu adalah Perkhidmatan Immunologi, Patologi, Radiologi, Kardiologi, Perubatan Nuklear, Perubatan Transfusi, Psikiatri dan Psikologi.
- 1.9. Promosi Derma Organ dijalankan oleh Pusat Sumber Transplan Nasional di peringkat kebangsaan, Pegawai Pendidikan Kesihatan di peringkat Jabatan Kesihatan Negeri, anggota Pusat Sumber Transplan Wilayah dan anggota Pasukan Perolehan Organ dan Tisu (TOP Team).

## **2. PELAKSANAAN**

### **2.1. Peringkat Kebangsaan**

- 2.1.1. Mengaktifkan kembali Majlis Transplantasi Kebangsaan yang diwujudkan sebelum ini seperti mana digariskan di dalam Polisi Transplantasi Organ, Tisu dan Sel Kebangsaan dengan senarai keanggotaan yang baru. Keanggotaan serta terma rujukan adalah seperti di **lampiran III**.
- 2.1.2. Mengaktifkan kembali dan memperkasakan Jawatankuasa Teknikal Transplantasi Kebangsaan dengan keanggotaan yang baru. Keanggotaan serta terma rujukan adalah seperti di **lampiran IV**.
- 2.1.3. Menjenamakan semula Pusat Sumber Transplan Nasional yang berperanan untuk menyelaraskan perolehan organ dan tisu di peringkat kebangsaan kepada Pusat Transplan Negara. Peranan Pusat Transplan Negara adalah seperti di **lampiran V**.

### **2.2 Peringkat Jabatan Kesihatan Negeri**

- 2.2.1. Jabatan Kesihatan Negeri perlu mewujudkan Jawatankuasa Teknikal Transplantasi Negeri yang dipengerusikan oleh Pengarah Kesihatan Negeri bagi menentukan halatuju serta menyokong aktiviti perolehan organ dan tisu serta transplantasi di peringkat negeri. Keanggotaan serta terma rujukan adalah seperti di **lampiran VI**.
- 2.2.2. Pengarah Kesihatan Negeri juga perlu memainkan peranan seperti berikut:
  - i. Memastikan satu unit khusus ditubuhkan di 16 hospital yang dikenalpasti sebagai hospital fokus bagi aktiviti perolehan organ dan tisu. Unit ini akan dikenali sebagai Unit Perolehan Organ Hospital (UPOH). Senarai hospital yang terlibat adalah seperti di **lampiran VII**. Terma rujukan unit ini adalah seperti di **lampiran VIII**.
  - ii. Mengenalpasti 2 orang pegawai perubatan atau 1 orang pegawai perubatan dan 1 orang jururawat/Penolong Pegawai Perubatan bagi menganggotai Unit Perolehan Organ Hospital (UPOH) secara sepenuh masa di 16 hospital terbabit.

- iii. Memastikan Pasukan Perolehan Organ dan Tisu (TOP Team) ditubuhkan di semua hospital negeri, hospital pakar major dan minor yang lain.
- iv. Di 26 hospital negeri/pakar major seperti dalam **lampiran IX**, Pengarah Kesihatan Negeri perlu memastikan seorang Pegawai Perubatan ditempatkan sebagai koordinator transplan sepenuh masa bagi Pasukan Perolehan Organ dan Tisu (TOP team) tersebut.
- v. Memantau peranan yang dijalankan oleh Unit Perolehan Organ Hospital di 16 hospital fokus dan Pasukan Perolehan Organ dan Tisu (TOP team) di hospital-hospital lain termasuk menjadikan prestasi setiap unit/pasukan tersebut sebagai salah satu sasaran kerja tahunan bagi pengarah hospital yang berkenaan.
- vi. Menubuhkan satu pasukan Promosi Derma Organ di peringkat negeri yang diketuai oleh Ketua Unit Pendidikan Kesihatan Negeri. Keanggotaan dan terma rujukan pasukan ini adalah seperti di **lampiran X**.
- vii. Membantu menyelesaikan sebarang isu yang timbul dalam pelaksanaan aktiviti klinikal perolehan organ atau promosi Derma Organ di peringkat negeri.

## 2.3 Peringkat Hospital

- 2.3.1. Setiap hospital negeri dan hospital pakar major hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Teknikal Transplantasi Hospital yang dipengerusikan oleh Pengarah Hospital untuk menyokong dan memantau aktiviti perolehan organ dan tisu yang dijalankan. Keanggotaan serta terma rujukan adalah seperti di **lampiran XI**.
- 2.3.2. Pusat Sumber Transplan Wilayah sedia ada seperti di **lampiran XII** akan dibubarkan. Pengarah hospital perlu memastikan perjawatan koordinator Transplan U32 di 7 Pusat Sumber Transplan Wilayah diserap masuk ke dalam unit khusus yang ditubuhkan di peringkat hospital tersebut seperti perkara 2.2.2(i).
- 2.3.3. 16 hospital dengan unit rawatan rapi seperti dalam perkara 2.2.2(i) telah dikenalpasti sebagai hospital fokus bagi aktiviti perolehan organ dan tisu di seluruh Malaysia.

- i. Di hospital-hospital ini, Unit Perolehan Organ Hospital (UPOH) mesti diwujudkan bagi menjalankan pengesanan kes berpotensi serta koordinasi proses perolehan organ dan tisu. Unit ini akan melapor terus kepada Pengarah Hospital/Timbalan Pengarah Hospital.
  - ii. Unit ini akan diketuai oleh Pakar Perunding Anaesthesiologi dan Rawatan Rapi atau pakar perunding dari kepakaran lain yang berkaitan/berpengalaman dalam pendermaan organ.
  - iii. Pengarah hospital bertanggungjawab mengenalpasti anggota yang proaktif dan sesuai untuk menganggotai unit ini. Unit ini perlu dianggotai oleh sekurang-kurangnya 2 anggota sepenuh masa (2 pegawai perubatan atau seorang pegawai perubatan dan seorang jururawat/Penolong Pegawai Perubatan), dan dibantu oleh anggota-anggota yang bertugas secara separuh masa dari Jabatan Kecemasan, Unit Rawatan Rapi, Jabatan Forensik dan lain-lain yang berkenaan.
  - iv. Pengarah hospital juga perlu memberikan "empowerment" kepada anggota unit bagi menjalankan peranan mereka sepenuhnya di semua wad dan jabatan di hospital.
  - v. Pakar bedah am di hospital terbabit hendaklah dilatih dalam perolehan buah pinggang dan menjalankan aktiviti perolehan buah pinggang di hospital masing-masing (sekiranya hospital tersebut tidak mempunyai pakar urologi).
  - vi. Senarai tugas anggota unit adalah seperti di **Lampiran XIII**.
- 2.3.4. Di 26 hospital negeri dan hospital berpakar major yang lain, Pasukan Perolehan Organ dan Tisu (TOP team) mesti diwujudkan seperti pada perkara 2.2.2(iv).

- i. Pasukan TOP Team ini hendaklah diketuai oleh Pakar Perunding Anaesthesiologi dan Rawatan Rapi atau pakar perunding dari kepakaran lain yang berkaitan/berpengalaman dalam pendermaan organ dan melapor terus kepada Pengarah Hospital/Timbalan Pengarah Hospital. Keanggotaan penuh dan peranan setiap ahli pasukan adalah seperti di **Lampiran XIV**.
- ii. Pengarah Hospital hendaklah mengenalpasti seorang Pegawai Perubatan yang bertugas sepenuh masa sebagai koordinator transplan di peringkat hospital bagi menyelaraskan dan memantau pelaksanaan aktiviti oleh pasukan TOP Team di hospital masing-masing. Senarai tugas koordinator ini adalah seperti di **Lampiran XV**.

- 2.3.5. Bagi hospital lain yang telah mewujudkan pasukan TOP team, fungsi pasukan tersebut hendaklah diteruskan. Pengarah hospital hendaklah menyokong anggota pasukan tersebut untuk memainkan peranan yang ditetapkan.
- 2.3.6. Pengarah hospital juga perlu memainkan peranan seperti berikut:
- i. Memastikan anggota yang perlu bertugas di luar hospital dan di luar waktu pejabat diberi kebenaran serta sokongan bagi menjalankan aktiviti perolehan organ/promosi.
  - ii. Membantu anggota mendapatkan tuntutan yang layak diterima seperti elaun perjalanan, elaun tugas atas panggilan dan elaun lebih masa.
  - iii. Memastikan semua anggota di hospital masing-masing mengetahui prosedur yang perlu dilakukan bagi merujuk kes-kes yang berpotensi sebagai penderma organ dan tisu terutamanya mereka yang bertugas di Unit Rawatan Rapi, Jabatan Kecemasan, Jabatan Neurosurgeri dan Jabatan Perubatan Forensik. Nombor telefon anggota yang bertanggungjawab di peringkat hospital perlu dipaparkan dengan jelas di kawasan yang strategik.
  - iv. Menganjurkan sesi pendidikan perubatan berterusan (Continuing Medical Education-CME) di peringkat hospital bagi mempertingkatkan kesedaran di kalangan anggota hospital tentang prosedur rujukan kes berpotensi.
  - v. Memastikan dan menyokong Unit Pendidikan Kesihatan Hospital menjalankan aktiviti promosi dan kempen berkaitan pendermaan organ secara aktif kepada orang ramai
  - vi. Mengambil inisiatif bagi memudahkan orang awam mendapatkan maklumat mengenai pendermaan organ dan tisu seperti menyediakan risalah/ borang pendaftaran sebagai pengikrar di kaunter-kaunter serta tempat menunggu dan memaparkan poster di kawasan strategik.
  - vii. Memastikan urusan pengendalian mayat penderma selepas proses perolehan organ dan tisu dijalankan dengan efisyen dan terhormat
  - viii. Mempertimbangkan pengecualian caj bagi urusan penghantaran balik jenazah dan sokongan lain yang bersesuaian kepada ahli keluarga sekiranya diperlukan.
  - ix. Mendapatkan perkhidmatan pakar bedah swasta/universiti bagi mengatasi kekurangan pakar bedah yang dapat menjalankan perolehan organ dan transplantasi organ/tisu.

**LAMPIRAN I****SENARAI PASUKAN PEROLEHAN ORGAN DAN TISU KADAVERIK**

<b>JENIS ORGAN/TISU</b>	<b>PASUKAN</b>	<b>HOSPITAL/INSTITUSI</b>
Buah Pinggang	Urologi	Hospital Kuala Lumpur Hospital Selayang
Hepar	Hepatobiliari	Hospital Selayang
Jantung	Kardiotorasik	Institut Jantung Negara
Paru-paru	Kardiotorasik dan respiratori	Institut Jantung Negara/Hospital Serdang
Tulang	Orthopaedik	Hospital Negeri dan Hospital Berpakar Major
Mata	Oftalmologi	Hospital Negeri
Kulit	Orthopaedik	Hospital Negeri dan Hospital Berpakar Major

**LAMPIRAN II****SENARAI PUSAT PEMBEDAHAN TRANSPLANTASI DAN PERBANKAN TISU**

JENIS ORGAN/TISU	HOSPITAL/INSTITUSI
Buah Pinggang	Hospital Kuala Lumpur Hospital Selayang
Hepar	Hospital Selayang
Jantung	Institut Jantung Negara
Paru-paru	Institut Jantung Negara
Injap jantung	Bank Injap Jantung, Institut Jantung Negara
Tulang	Bank Tisu Universiti Sains Malaysia Bank Tulang Pusat Perubatan Universiti Malaysia
Mata	Bank Kornea Hospital Sungai Buloh

**MAJLIS TRANSPLANTASI KEBANGSAAN**

**Keanggotaan:**

**Pengerusi** : Ketua Pengarah Kesihatan

**Pengerusi ganti** : Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)

**Ahli-ahli:**

- Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
- Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
- Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal)
- Pengarah Bahagian Perkembangan Perubatan
- Pengarah Bahagian Amalan Perubatan
- Pengarah Bahagian Pendidikan Kesihatan
- Pengarah Bahagian Kejururawatan
- Setiausaha Bahagian Pengurusan Maklumat
- Setiausaha Bahagian Perolehan dan Penswastaan
- Setiausaha Bahagian Pembangunan
- Setiausaha Bahagian Sumber Manusia
- Setiausaha Bahagian Perancangan
- Setiausaha Bahagian Kewangan
- Setiausaha Bahagian Latihan
- Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi
- Ketua Pusat Transplan Negara
- 3 orang pakar dari Kementerian Kesihatan Malaysia
- 1 wakil daripada Malaysian Society of Transplantation
- 2 wakil daripada Universiti
- 1 wakil daripada Association of Private Hospitals Malaysia
- 1 wakil daripada Malaysian Medical Association
- 1 wakil daripada Academy of Medicine Malaysia
- 1 wakil daripada JAKIM
- 1 wakil daripada IKIM
- 1 wakil daripada organisasi yang mewakili badan agama-agama yang lain
- 1 wakil daripada kumpulan sokongan pesakit
- 1 wakil daripada organisasi bukan perubatan
- Wakil daripada Kementerian Dalam Negeri
- Wakil daripada Kementerian Pengangkutan Malaysia
- Wakil daripada Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia
- Wakil daripada Kementerian Pendidikan Malaysia

### **Tempoh Lantikan:**

Tempoh lantikan setiap ahli Majlis adalah selama 2 tahun dari tarikh surat lantikan dikeluarkan. Surat lantikan baru harus dikeluarkan semula kepada ahli majlis **selepas** tempoh lantikan terdahulu berakhir. Lantikan akan dibuat oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

### **Terma rujukan:**

1. Menentukan halatuju, dasar dan polisi perkhidmatan transplantasi organ dan tisu kebangsaan
2. Memantau kemajuan dan pencapaian perkhidmatan transplantasi organ dan tisu kebangsaan
3. Meluluskan keperluan peruntukan, sumber manusia, aset dan perolehan serta lain-lain keperluan bagi pelaksanaan aktiviti perolehan organ dan tisu serta transplantasi organ
4. Memastikan amalan transplantasi di Malaysia dijalankan dengan standard dan etika yang tertinggi
5. Menjalankan advokasi berkenaan pendermaan dan transplantasi organ
6. Mesyuarat akan diadakan sekurang-kurangnya sekali setahun atau mengikut keperluan.

**JAWATANKUASA TEKNIKAL TRANSPLANTASI KEBANGSAAN**

**Keanggotaan:**

**Pengerusi** : Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)

**Pengerusi ganti** : Pengarah Perkembangan Perubatan

**Ahli-ahli:**

- Pengarah Kesihatan Negeri
- Pengarah Hospital Kuala Lumpur
- Pengarah Pusat Darah Negara
- Ketua Jabatan Pusat Transplan Negara
- Ketua Perkhidmatan Nefrologi
- Ketua Perkhidmatan Urologi
- Ketua Perkhidmatan Hepatobiliari
- Ketua Perkhidmatan Gastroenterologi dan Hepatologi
- Ketua Perkhidmatan Kardiologi
- Ketua Perkhidmatan Paediatric
- Ketua Perkhidmatan Perubatan Respiratori
- Ketua Perkhidmatan Orthopedik
- Ketua Perkhidmatan Pembedahan Plastik dan Rekonstruktif
- Ketua Perkhidmatan Pembedahan Am
- Ketua Perkhidmatan Oftalmologi
- Ketua Perkhidmatan Anestesiologi dan Rawatan Rapi
- Ketua Perkhidmatan Perubatan Forensik
- Ketua Perkhidmatan Radiologi
- Ketua Perkhidmatan Patologi
- Ketua Perkhidmatan Perubatan Kecemasan
- Ketua Perkhidmatan Perubatan Nuklear
- Ketua Perkhidmatan Pembedahan Paediatric
- Ketua Perkhidmatan Neurosurgeri
- Ketua Perkhidmatan Perubatan
- Ketua Pusat Penyelidikan Alergi dan Immunologi Institut Penyelidikan Perubatan
- Ketua Unit Transplantasi Jantung dan Paru-Paru IJN

**Tempoh Lantikan:**

Tempoh lantikan setiap ahli jawatankuasa adalah selama 2 tahun dari tarikh surat lantikan dikeluarkan. Surat lantikan baru harus dikeluarkan semula kepada ahli jawatankuasa selepas tempoh lantikan terdahulu berakhir. Lantikan akan dibuat oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

**Terma rujukan:**

1. Memberi rekomendasi kepada Majlis Transplantasi Kebangsaan tentang isu-isu berkaitan polisi
2. Menasihati Unit Perkhidmatan Transplantasi, Bahagian Perkembangan Perubatan dan Pusat Transplan Negara tentang implementasi polisi yang ditetapkan
3. Menubuhkan “expert committee” berkaitan latihan, kualiti dan akreditasi, undang-undang dan etika, perancangan dan pembangunan perkhidmatan dan lain-lain skop yang diperlukan.
4. Meneliti laporan dan cadangan dari “expert committee” yang ditubuhkan dan memberi rekomendasi yang berkaitan kepada KKM
5. Mesyuarat akan diadakan sekurang-kurangnya dua kali setahun atau mengikut keperluan.

**PERANAN PUSAT TRANSPLAN NEGARA**

1. Merancang, menggubal, menyediakan dan melaksanakan polisi, garis panduan serta prosedur operasi standad (SOP) berkaitan pendermaan dan tisu, transplantasi organ dan tisu serta promosi Derma Organ
2. Berfungsi sebagai Pusat Rujukan Kebangsaan untuk kes-kes berpotensi sebagai penderma organ. PTN bertanggungjawab untuk menyelaraskan pendermaan organ dan tisu selepas kematian di peringkat kebangsaan dari seluruh negara.
3. Menyelaras, menganalisa dan menyediakan laporan audit kematian yang diperolehi daripada pasukan-pasukan Unit Perolehan Organ Hospital atau Pasukan Perolehan Organ dan Tisu (TOP Team) seluruh negara.
4. Membantu dan memberikan perkhidmatan kepada Unit Perolehan Organ Hospital dan Pasukan Perolehan Organ dan Tisu (TOP team) di seluruh negara bagi pengurusan kes penderma organ kadaverik.
5. Mengatur logistik bagi proses perolehan organ dan tisu bersama syarikat-syarikat penerbangan komersil, Tentera Udara Diraja Malaysia, Polis Di Raja Malaysia, pihak keselamatan lapangan terbang, pasukan pembedahan perolehan organ dan tisu, pasukan transplantasi organ dan pihak-pihak lain yang berkaitan.
6. Menjalankan audit dan aktiviti kualiti untuk memastikan organ dan tisu yang diambil adalah berkualiti dan pematuhan SOP.
7. Menjalankan penyelidikan dengan kerjasama Pusat Penyelidikan Klinikal (*Clinical Research Centre*) untuk meningkatkan kadar pendermaan organ di negara ini.
8. Merancang, menyelaraskan, melaksanakan, menyokong dan memantau aktiviti promosi pendermaan organ di peringkat kebangsaan
9. Bekerjasama dengan agensi kerajaan yang lain, badan-badan bukan kerajaan, media, badan agama bagi aktiviti promosi Derma Organ
10. Merancang, menyelaras, melaksanakan dan memantau latihan berkaitan pendermaan organ dan promosi Derma Organ di peringkat kebangsaan.
11. Merancang, menjalankan, menyelaraskan dan memantau pengumpulan data berkaitan aktiviti perolehan organ dan tisu serta promosi Derma Organ termasuk registri berkaitan klinikal dan promosi serta pangkalan data yang berkaitan.
12. Merancang, mewujudkan, menyelaraskan dan memantau senarai menunggu organ serta agihan organ di peringkat kebangsaan
13. Bertindak selaku sekretariat kepada Bahagian Perkembangan Perubatan untuk jawatankuasa yang berkaitan.

**JAWATANKUASA TEKNIKAL TRANSPLANTASI NEGERI**

**Keanggotaan:**

**Pengerusi** : Pengarah Kesihatan Negeri

**Ahli-ahli:**

- Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan)
- Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam)
- Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi)
- Ketua Unit Pendidikan Kesihatan di Jabatan Kesihatan Negeri
- Ketua Penyelia Jururawat Negeri
- Pengarah-Pengarah Hospital
- Pegawai Kesihatan Daerah
- Ketua Unit Perolehan Organ Hospital/Pasukan Perolehan Organ Hospital (TOP team) dari setiap hospital

**Tempoh Lantikan:**

Tempoh lantikan setiap ahli jawatankuasa adalah selama 2 tahun dari tarikh surat lantikan dikeluarkan. Keahlian adalah tertakluk kepada sepanjang pegawai menyandang jawatan tersebut di dalam kementerian. Surat lantikan baru harus dikeluarkan semula kepada ahli jawatankuasa selepas tempoh lantikan terdahulu berakhir. Lantikan akan dibuat oleh Pengarah Kesihatan Negeri.

**Termasuk:**

1. Merancang, menyelaraskan, mengawalselia dan memantau pelaksanaan aktiviti perolehan organ dan tisu serta promosi Derma Organ di peringkat negeri
2. Mengenalpasti dan menyelesaikan isu-isu pelaksanaan perolehan organ dan tisu serta promosi Derma Organ di peringkat negeri
3. Menentukan agihan peruntukan bagi aktiviti klinikal, promosi dan latihan di peringkat negeri setiap tahun.
4. Mesyuarat jawatankuasa ini hendaklah dijalankan sekurang-kurangnya 2 kali setahun.

**LAMPIRAN VII****SENARAI 16 FOKUS HOSPITAL BAGI PENUBUHAN UNIT PEROLEHAN  
ORGAN HOSPITAL**

<b>Negeri</b>	<b>Bilangan hospital</b>	<b>Hospital</b>
Pulau Pinang	1	Hospital Pulau Pinang
Kedah	1	Hospital Sultanah Bahiyah Alor Setar
Perak	1	Hospital Raja Permaisuri Bainun Ipoh
Kelantan	1	Hospital Raja Perempuan Zainab II
Terengganu	1	Hospital Sultanah Nur Zahirah
Pahang	1	Hospital Tengku Ampuan Afzan Kuantan
Selangor	4	Hospital Sungai Buloh
		Hospital Selayang
		Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang
		Hospital Serdang
WP Kuala Lumpur	1	Hospital Kuala Lumpur
N. Sembilan	1	Hospital Tuanku Jaafar Seremban
Melaka	1	Hospital Melaka
Johor	1	Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru
Sabah	1	Hospital Queen Elizabeth
Sarawak	1	Hospital Umum Sarawak

**UNIT PEROLEHAN ORGAN HOSPITAL**

**1. Keanggotaan:**

- 1.1. Unit ini akan diketuai oleh seorang Pakar Anaesthesiologi dan Rawatan Rapi atau pakar perunding dari kepakaran lain yang berkaitan/berpengalaman dalam pendermaan organ yang berperanan selaku pakar rujuk dan penasihat kepada anggota unit.
- 1.2. Unit ini akan dianggotai oleh 2 orang pegawai perubatan atau seorang pegawai perubatan dan seorang Ketua Jururawat U32/Penolong Pegawai Perubatan sepenuh masa (bagi hospital yang sebelumnya merupakan Pusat Sumber Transplan Wilayah) dan disokong oleh beberapa anggota separuh masa yang terdiri daripada:
  - i. Pakar Perunding Perubatan Kecemasan
  - ii. Pakar Perunding Perubatan Forensik
  - iii. Pakar Perunding Neurosurgeri
  - iv. Pakar Perunding Anaesthesiologi dan Rawatan Rapi\*
  - v. Ketua Jururawat Dewan Bedah
  - vi. Ketua Jururawat Unit Rawatan Rapi
  - vii. Pegawai Psikologi
  - viii. Pegawai Agama
  - ix. Pegawai Pendidikan Kesihatan

\*Sekiranya unit ini diketuai oleh pakar perunding dari kepakaran yang lain, Pakar Perunding Anaesthesiologi dan Rawatan Rapi tetap perlu mengganggotai unit ini secara separuh masa.

**2. Terma Rujukan:**

- 2.1. Mengesan semua kes berpotensi samada di kalangan kes mati otak atau "cardiac death" untuk pendermaan organ dan tisu di peringkat hospital.
- 2.2. Memastikan semua kes disyaki mati otak dibuat ujian pengesahan mati otak.
- 2.3. Memberi kaunseling kepada semua waris pesakit yang meninggal dunia dan dinilai sesuai bagi pendermaan organ dan tisu.
- 2.4. Merujuk semua kes yang sesuai kepada Pusat Transplan Negara bagi proses perolehan organ dan tisu
- 2.5. Menyelaraskan proses perolehan organ dan tisu bersama Pusat Transplan Negara.
- 2.6. Menjalankan audit kematian di peringkat hospital
- 2.7. Mengadakan latihan dan promosi tentang pendermaan organ kepada anggota kesihatan dan masyarakat.

### **3. Pemantauan Prestasi**

- 3.1 Aktiviti yang dijalankan oleh anggota hendaklah direkodkan dalam bentuk reten harian.
- 3.2 Laporan bulanan prestasi unit ini hendaklah dikemukakan kepada Pengarah Hospital pada setiap akhir bulan.
- 3.3 Pengarah hospital perlu mengesahkan laporan tersebut dan seterusnya mengemukakannya kepada Pengarah Kesihatan Negeri dan juga Pusat Transplan Negara.
- 3.4 Pengarah Hospital juga hendaklah mengemukakan laporan pelaksanaan aktiviti dan laporan pencapaian petunjuk prestasi utama kepada Pengarah Kesihatan Negeri setiap 6 bulan.

**SENARAI HOSPITAL NEGERI DAN HOSPITAL PAKAR MAJOR MESTI  
MENUBUHKAN PASUKAN PEROLEHAN ORGAN (TOP TEAM) DENGAN  
KOORDINATOR SEPENUH MASA**

<b>Negeri</b>	<b>Bilangan hospital</b>	<b>Hospital</b>
Perlis	1	Hospital Kangar
Pulau Pinang	1	Hospital Seberang Jaya
Kedah	2	Hospital Sungai Petani
		Hospital Kulim
Perak	2	Hospital Taiping
		Hospital Teluk Intan
Kelantan	2	Hospital Kuala Krai
		Hospital Tanah Merah
Terengganu	1	Hospital Kemaman
Pahang	1	Hospital Temerloh
Selangor	3	Hospital Ampang
		Hospital Kajang
		Hospital Shah Alam
WP Kuala Lumpur/Putrajaya	1	Hospital Putrajaya
N. Sembilan	1	Hospital Kuala Pilah
Johor	5	Hospital Batu Pahat
		Hospital Muar
		Hospital Sultan Ismail
		Hospital Batu Pahat
		Hospital Segamat
Sabah	3	Hospital Queen Elizabeth II
		Hospital Sandakan
		Hospital Tawau

<b>Negeri</b>	<b>Bilangan hospital</b>	<b>Hospital</b>
Sarawak	4	Hospital Miri
		Hospital Sibu
		Hospital Bintulu
		Pusat Jantung Sarawak

**PASUKAN PROMOSI DERMA ORGAN NEGERI**

**1. Keanggotaan:**

**Ketua** : Ketua Unit Pendidikan Kesihatan Negeri

**Ahli:**

- i. Pegawai Pendidikan Kesihatan di Unit Pendidikan Kesihatan Pejabat Kesihatan Daerah
- ii. Pegawai Perubatan dan Kesihatan dari setiap klinik kesihatan
- iii. Pegawai Pendidikan Kesihatan Unit Pendidikan Kesihatan Hospital
- iv. Ketua Unit Perolehan Organ Hospital
- v. Ketua Pasukan Perolehan Organ dan Tisu (TOP team) hospital

**2. Terma Rujukan:**

2.1 Merancang, menyelaraskan dan melaksanakan aktiviti promosi Derma Organ kepada orang awam dan anggota kesihatan. Ini termasuklah ceramah, *booth* kesedaran dan kempen kesedaran kepada orang awam.

2.2 Melaporkan kepada Pengarah Kesihatan Negeri berkenaan perkembangan aktiviti promosi serta isu-isu yang dihadapi.

2.3 Menjalankan program tahunan seperti sambutan Minggu Kesedaran Pendermaan Organ peringkat negeri, pelaksanaan "KKM, Jom Ikrar".

2.4 Mendapatkan pendaftaran, menyimpan data peribadi pengikrar dan mengunci masuk data tersebut ke dalam pangkalan data pengikrar Derma Organ.

2.5 Bekerjasama dengan badan bukan kerajaan dan media untuk menjalankan aktiviti promosi

**JAWATANKUASA TEKNIKAL TRANSPLANTASI HOSPITAL**

Jawatankuasa Teknikal Transplantasi Hospital perlu ditubuhkan di peringkat hospital bagi memantau dan menyokong aktiviti perolehan organ dan tisu.

**1. Keanggotaan:**

**Pengerusi** : Pengarah Hospital

**Timbalan Pengerusi** : Timbalan Pengarah Perubatan

**Sekretariat** : Pejabat Timbalan Pengarah (Perubatan)

**Ahli:**

- i. Ketua Jabatan Anaestesiologi dan Rawatan Rapi
- ii. Ketua Jabatan Neurosurgeri
- iii. Ketua Jabatan Perubatan Forensik
- iv. Ketua Jabatan Perubatan
- v. Ketua Jabatan Pembedahan Am
- vi. Ketua Jabatan Nefrologi
- vii. Ketua Jabatan Urologi
- viii. Ketua Jabatan ORL
- ix. Ketua Jabatan Pembedahan Plastik
- x. Ketua Jabatan Radiologi
- xi. Ketua Jabatan Oftalmologi
- xii. Ketua Jabatan Perubatan Kecemasan
- xiii. Ketua Jabatan Paediatric
- xiv. Ketua Jabatan Patologi
- xv. Ketua Jabatan Perubatan Nuklear
- xvi. Ketua Jabatan Orthopedik
- xvii. Ketua Jabatan Obstetrik dan Ginekologi
- xviii. Ketua Unit Perolehan Organ Hospital/ Ketua Pasukan Perolehan Organ dan Tisu (TOP Team)
- xix. Ketua Unit Pendidikan Kesihatan Hospital
- xx. Pegawai Perubatan (bagi hospital tidak berpakaar)
- xxi. Ketua Penyelia Jururawat
- xxii. Penyelia Penolong Pegawai Perubatan

**2. Tempoh Lantikan:**

Tempoh lantikan setiap ahli jawatankuasa adalah selama 2 tahun dari tarikh surat lantikan dikeluarkan. Surat lantikan baru harus dikeluarkan semula kepada ahli jawatankuasa selepas tempoh lantikan terdahulu berakhir. Lantikan akan dibuat oleh Pengarah Hospital.

### **3. Terma Rujukan:**

1. Merancang dan memantau aktiviti perolehan organ dan tisu di peringkat hospital termasuk pelaksanaan audit kematian serta promosi kepada anggota kesihatan
2. Mengenalpasti dan menyelesaikan isu-isu pelaksanaan perolehan organ dan tisu serta promosi di peringkat hospital
3. Menyokong dan memberi "empowerment" kepada anggota Unit Perolehan Organ Hospital/Pasukan Perolehan Organ dan Tisu (TOP team) bagi menjalankan aktiviti perolehan organ dan tisu di setiap jabatan.
4. Mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya 3 kali setahun dan sekiranya perlu.
5. Melapor kepada Jawatankuasa Teknikal Transplantasi Negeri.

**LAMPIRAN XII****SENARAI PUSAT SUMBER TRANSPLAN WILAYAH**

<b>Bil</b>	<b>WILAYAH</b>	<b>HOSPITAL</b>	<b>KAWASAN LIPUTAN</b>
1.	Pusat Sumber Transplan Wilayah Utara	Hospital Pulau Pinang	Perlis, Pulau Pinang, Kedah
2.	Pusat Sumber Transplan Wilayah Selatan	Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru	Seluruh Johor dan Melaka
3.	Pusat Sumber Transplan Wilayah Sabah	Hospital Queen Elizabeth	Seluruh Sabah dan Labuan
4.	Pusat Sumber Transplan Wilayah Sarawak	Hospital Umum Sarawak	Seluruh Sarawak
5.	Pusat Sumber Transplan Pantai Timur 1	Hospital Tengku Ampuan Afzan	Seluruh Pahang
6.	Pusat Sumber Transplan Pantai Timur 2	Hospital Sultanah Nur Zahirah	Seluruh Terengganu dan Kelantan
7.	Pusat Sumber Transplan Wilayah Tengah	Hospital Raja Permaisuri Bainun Ipoh	Seluruh Perak dan Cameron Highland

**SENARAI TUGAS ANGGOTA UNIT PEROLEHAN ORGAN HOSPITAL**

**1. PEGAWAI PERUBATAN SEPENUH MASA:**

1. Menjalankan rondaan klinikal di wad/unit seperti Unit Rawatan Rapi, *Coronary Care Unit*, Unit Rawatan Rapi Neuro, Unit Rawatan Rapi Paediatric, Jabatan Kecemasan dan Jabatan Perubatan Forensik setiap hari bagi mengenalpasti kes-kes berpotensi secara aktif samada kes-kes yang disyaki mati otak ataupun kes "cardiac death".
2. Menjalankan audit kematian-audit "brain death" serta "cardiac death" dan menyelaraskan laporan di peringkat hospital..
3. Menerima rujukan kes berpotensi daripada wad-wad, Unit Rawatan Rapi dan Jabatan Perubatan Forensik di peringkat hospital termasuk di luar waktu pejabat dan hujung minggu.
4. Bertugas atas panggilan mengikut jadual yang ditetapkan.
5. Merujuk kes berpotensi kepada Pusat Transplan Negara untuk proses seterusnya.
6. Menguruskan ujian untuk menilai kesesuaian penderma dari segi fungsi organ dan juga menentukan penderma bebas daripada penyakit berjangkit.
7. Memastikan ujian pengesahan mati otak dijalankan ke atas kes-kes yang disyaki mati otak.
8. Membantu pasukan merawat untuk menjaga kestabilan dan fungsi organ penderma sehingga prosedur perolehan dijalankan.
9. Mendapatkan kebenaran daripada ahli keluarga untuk pendermaan organ.
10. Membantu Pusat Transplan Negara menguruskan semua aspek logistik untuk pasukan perolehan organ dan tisu yang datang dari Hospital Kuala Lumpur, Hospital Selayang, Institut Jantung Negara dan juga lain-lain pakar dari institusi berlainan yang akan menjalankan pembedahan/prosedur perolehan.
11. Berurusan dengan polis, majistret dan forensik bagi mendapat pelepasan untuk pendermaan untuk kes-kes medico-legal.
12. Bekerjasama dengan Pusat Transplan Negara bagi menyelaras serta menganjur latihan berkaitan pendermaan organ bagi kakitangan di hospital masing-masing.
13. Menjalankan CME tentang proses perolehan organ di jabatan-jabatan di dalam hospital masing-masing
14. Membantu dan terlibat secara aktif dalam aktiviti promosi dan kesedaran pendermaan organ kepada orang ramai termasuk kempen dan pameran yang dijalankan pada hari minggu dan cuti umum
15. Menghadiri kursus kursus yang berkaitan dengan pendermaan organ untuk menambahkan ilmu pengetahuan dalam bidang pendermaan organ dan tisu.

## **2. ANGGOTA UNIT PEROLEHAN ORGAN HOSPITAL YANG LAIN:**

Anggota Unit Perolehan Organ Hospital yang lain akan meneruskan tugas hakiki masing-masing dan menyokong pegawai perubatan di Unit Perolehan Organ Hospital apabila diperlukan.

Peranan setiap anggota ini akan disokong oleh Pengarah Hospital dan mereka perlu diberikan kebenaran dan pelepasan untuk membantu anggota Unit Perolehan Hospital sepenuh masa apabila terdapat kes pendermaan organ/tisu di hospital masing-masing.

AHLI	PERANAN
Pakar Anaestesiologi dan rawatan rapi	<ul style="list-style-type: none"><li>Berperanan sebagai ketua Unit Perolehan Organ Hospital dan menjadi pakar rujuk kepada anggota-anggota unit</li><li>Menstabilkan pesakit yang bakal menderma organ</li><li>Mendekati keluarga pesakit yang berpotensi untuk menderma organ dan memberi sokongan kepada ahli keluarga yang berada di dalam kesedihan</li><li>Mendapatkan kebenaran ahli keluarga untuk pendermaan organ</li></ul>
Pakar Bedah Am	<ul style="list-style-type: none"><li>Menjalankan pembedahan perolehan organ di hospital masing-masing</li></ul>
Ketua Jururawat Unit Rawatan Rapi	<ul style="list-style-type: none"><li>Berfungsi sebagai "focus person" di Unit Rawatan Rapi</li><li>Memberi sokongan kepada ahli keluarga penderma organ</li><li>Memastikan laporan polis dibuat dan bekerjasama dengan pegawai penyiasat bagi kes-kes medico-legal</li></ul>
Pakar Perubatan Kecemasan	<ul style="list-style-type: none"><li>Berfungsi sebagai "focus person" di Jabatan Kecemasan</li><li>Memastikan pengesanan kes berpotensi dan rujukan kes berpotensi dibuat kepada Unit Perolehan Organ Hospital</li></ul>
Pakar Perubatan Forensik	<ul style="list-style-type: none"><li>Berfungsi sebagai "focus person" di Jabatan Perubatan Forensik</li><li>Memastikan urusan pengendalian jenazah penderma selepas proses perolehan organ dan tisu dijalankan dengan efisyen. Contohnya mempercepatkan post-mortem, mempercepatkan urusan penyerahan jenazah kepada ahli keluarga dan membantu dalam urusan jenazah.</li></ul>

AHLI	PERANAN
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memastikan pengesanan kes berpotensi dan rujukan kes berpotensi dibuat kepada Unit Perolehan Organ Hospital (jenazah baru meninggal dunia di wad atau brought in dead).</li> <li>• Mendekati keluarga pesakit yang berpotensi untuk menderma organ</li> <li>• Sekiranya keluarga bersetuju, menguruskan pengambilan darah untuk ujian serology</li> </ul>
Ketua Jururawat Dewan Bedah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyediakan Dewan Bedah untuk pembedahan perolehan organ</li> <li>• Memastikan ais steril/Hartmann sejuk tersedia bagi proses pengawetan organ</li> </ul>
Pegawai Psikologi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memberi kaunseling kepada ahli keluarga penderma dan anggota kesihatan yang terlibat</li> </ul>
Pegawai Pendidikan Kesihatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menjalankan dan menyelaraskan aktiviti promosi kepada orang awam</li> <li>• Menjalankan aktiviti pendidikan kepada anggota kesihatan</li> </ul>
Pegawai Agama	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memberikan kaunseling dan sokongan kepada ahli keluarga</li> <li>• Membantu menjalankan aktiviti pendidikan tentang pendermaan organ kepada orang awam dan anggota kesihatan.</li> </ul>

**LAMPIRAN XIV****KEANGGOTAAN SERTA PERANAN UTAMA  
PASUKAN PEROLEHAN ORGAN DAN TISU HOSPITAL (TOP TEAM)**

AHLI	PERANAN
Pakar Anaestesiologi dan rawatan rapi	<ul style="list-style-type: none"><li>Berperanan sebagai ketua Pasukan Perolehan Organ dan Tisu (TOP Team) dan menjadi pakar rujuk kepada anggota pasukan yang lain.</li><li>Memastikan kes-kes yang disyaki mati otak telah disahkan mati otak.</li><li>Menjaga kestabilan dan fungsi organ penderma sehingga prosedur perolehan dijalankan</li><li>Mendekati keluarga pesakit yang berpotensi untuk menderma organ dan memberi sokongan kepada ahli keluarga yang berada di dalam kesedihan</li><li>Mendapatkan kebenaran ahli keluarga untuk pendermaan organ</li><li>Menghubungi Pusat Transplan Negara bagi semua kes-kes berpotensi, supaya proses seterusnya dapat dijalankan.</li><li>Menguruskan ujian untuk menilai kesesuaian penderma dari segi fungsi organ dan juga menentukan penderma bebas daripada penyakit berjangkit.</li></ul>
Ketua Jururawat Unit Rawatan Rapi	<ul style="list-style-type: none"><li>Berfungsi sebagai "focus person" di Unit Rawatan Rapi</li><li>Memberi sokongan kepada ahli keluarga penderma organ</li><li>Memastikan laporan polis dibuat dan bekerjasama dengan pegawai penyiasat bagi kes-kes medico-legal</li><li>Berurusan dengan polis, majistret dan forensik bagi mendapat pelepasan untuk pendermaan untuk kes-kes medico-legal dan homisid</li><li>Membantu Pusat Transplan Negara menguruskan semua aspek logistik untuk pasukan perolehan organ dan tisu yang datangnya dari Hospital Kuala Lumpur, Hospital Selayang, Institut Jantung Negara, Hospital Universiti Sains Malaysia dan juga lain-lain pakar dari institusi berlainan yang akan menjalankan pembedahan/prosedur perolehan</li></ul>
Pakar Perubatan	<ul style="list-style-type: none"><li>Berfungsi sebagai "focus person" di Jabatan Kecemasan</li></ul>

AHLI	PERANAN
Kecemasan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memastikan pengesanan kes berpotensi dijalankan oleh semua anggota</li> <li>• Menghubungi Pusat Transplant Negara bagi semua kes-kes berpotensi, supaya proses seterusnya dapat dijalankan.</li> <li>• Menguruskan ujian untuk menilai kesesuaian penderma dari segi fungsi organ dan juga menentukan penderma bebas daripada penyakit berjangkit.</li> </ul>
Pakar Perubatan Forensik	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Berfungsi sebagai "focus person" di Jabatan Forensik.</li> <li>• Memastikan pengesanan kes berpotensi dan rujukan kes berpotensi dibuat. (jenazah baru meninggal dunia di wad atau brought in dead).</li> <li>• Mendekati keluarga pesakit yang berpotensi untuk menderma organ</li> <li>• Sekiranya keluarga bersetuju, menguruskan ujian darah untuk serology</li> <li>• Memastikan anggota di Jabatan Forensik menyediakan mortuary untuk pembedahan perolehan organ</li> <li>• Memastikan urusan pengendalian jenazah penderma selepas proses perolehan organ dan tisu dijalankan dengan efisyen. Contohnya mempercepatkan post-mortem, mempercepatkan urusan penyerahan jenazah kepada ahli keluarga dan membantu dalam urusan jenazah</li> </ul>
Ketua Jururawat Dewan Bedah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyediakan Dewan Bedah untuk pembedahan perolehan organ</li> <li>• Memastikan ais steril/Hartmann sejuk tersedia bagi proses pengawetan organ</li> </ul>
Pegawai Psikologi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memberi kaunseling kepada ahli keluarga penderma dan anggota kesihatan yang terlibat</li> </ul>
Pegawai Pendidikan Kesihatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menjalankan dan menyelaraskan aktiviti promosi kepada orang awam</li> <li>• Menjalankan aktiviti pendidikan kepada anggota kesihatan</li> </ul>
Pegawai Agama	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memberikan kaunseling dan sokongan kepada ahli keluarga</li> <li>• Membantu menjalankan aktiviti pendidikan tentang pendermaan organ kepada orang awam dan anggota kesihatan.</li> </ul>

Peranan-peranan lain adalah seperti berikut:

- Bekerjasama dengan Pusat Transplan Negara bagi menyelaras serta menganjur latihan berkaitan pendermaan organ bagi kakitangan di hospital masing-masing.
- Memberi ceramah serta terlibat dalam kempen-kempen bagi memberi pendedahan kepada masyarakat tentang pendermaan organ dan tisu di Malaysia untuk meningkatkan jumlah pengikrar yang dianjurkan oleh Kementerian ataupun organisasi bukan kerajaan di negeri masing-masing.

**SENARAI TUGAS KOORDINATOR TETAP PASUKAN PEROLEHAN ORGAN**

**HOSPITAL**

1. Menjalankan audit kematian – audit “brain death” dan “cardiac death” dan menyelaraskan laporan di peringkat hospital.
2. Menerima rujukan kes berpotensi daripada wad-wad, Unit Rawatan Rapi dan Jabatan Perubatan Forensik di peringkat hospital termasuk di luar waktu pejabat dan hujung minggu.
3. Bertugas atas panggilan mengikut jadual yang ditetapkan.
4. Merujuk kes berpotensi kepada Pusat Transplan Negara untuk proses seterusnya.
5. Menguruskan ujian untuk menilai kesesuaian penderma dari segi fungsi organ dan juga menentukan penderma bebas daripada penyakit berjangkit.
6. Memastikan ujian pengesahan mati otak dijalankan ke atas kes-kes yang disyaki mati otak.
7. Membantu pasukan merawat untuk menjaga kestabilan dan fungsi organ penderma sehingga prosedur perolehan dijalankan.
8. Mendapatkan kebenaran daripada ahli keluarga untuk pendermaan organ.
9. Membantu Pusat Transplan Negara menguruskan semua aspek logistik untuk pasukan perolehan organ dan tisu yang datang dari Hospital Kuala Lumpur, Hospital Selayang, Institut Jantung Negara dan juga lain-lain pakar dari institusi berlainan yang akan menjalankan pembedahan/prosedur perolehan.
10. Berurusan dengan polis, majistret dan forensik bagi mendapat pelepasan untuk pendermaan untuk kes-kes medico-legal.
11. Bekerjasama dengan Pusat Transplan Negara bagi menyelaras serta menganjur latihan berkaitan pendermaan organ bagi kakitangan di hospital masing-masing.
12. Menjalankan CME tentang proses perolehan organ di jabatan-jabatan di dalam hospital masing-masing
13. Membantu dan terlibat secara aktif dalam aktiviti promosi dan kesedaran pendermaan organ kepada orang ramai termasuk kempen dan pameran yang dijalankan pada hari minggu dan cuti umum
14. Menghadiri kursus kursus yang berkaitan dengan pendermaan organ untuk menambahkan ilmu pengetahuan dalam bidang pendermaan organ dan tisu.

## **LAMPIRAN XVI**

### **LAPORAN AWAL PELAKSANAAN PEKELILING PERKHIDMATAN PEROLEHAN ORGAN DAN TISU KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

Jabatan Kesihatan Negeri:

Tarikh:

- i. Senarai hospital yang telah ditubuhkan Unit Perolehan Organ Hospital beserta senarai keanggotaan
- ii. Senarai hospital dengan Pasukan Perolehan Organ dan Tisu (TOP Team) beserta senarai keanggotaan
- iii. Penubuhan Jawatankuasa Teknikal Transplantasi Hospital beserta senarai ahli jawatankuasa
- iv. Penubuhan Jawatankuasa Teknikal Transplantasi Negeri beserta senarai ahli jawatankuasa
- v. Penubuhan Pasukan Promosi Derma Organ Negeri beserta senarai keanggotaan

Laporan disediakan oleh:

.....

**(Nama Pegawai, Jawatan dan Cop Rasmi)**

Laporan disemak oleh:

.....

**(Pengarah Kesihatan Negeri dan Cop rasmi)**

Laporan ini hendaklah dikemukakan dalam masa 2 bulan selepas tarikh pekeliling ini dikeluarkan kepada:

Unit Perkhidmatan Transplantasi,  
Bahagian Perkembangan Perubatan,  
Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 5, Blok E1  
Pusat Pentadbiran Putrajaya,  
Kompleks E 62590 Putrajaya

## **LAMPIRAN XVII**

### **LAPORAN PELAKSANAAN PEKELILING PERKHIDMATAN PEROLEHAN ORGAN DAN TISU KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

Jabatan Kesihatan Negeri:

Tarikh:

#### **1. PENGENALAN**

#### **2. LAPORAN**

Antara isi kandungan termasuk:

- i. Laporan Pemantauan Prestasi Setiap Unit Perolehan Hospital
- ii. Laporan audit kematian di setiap hospital
- iii. Laporan Aktiviti Promosi/Latihan
- iv. Cabaran yang dikenalpasti dan langkah penambahbaikan telah dibuat

#### **3. KESIMPULAN**

Laporan disediakan oleh:

.....

**(Nama Pegawai, Jawatan dan Cop Rasmi)**

Laporan disemak oleh:

.....

**(Pengarah Kesihatan Negeri dan Cop rasmi)**

Laporan ini hendaklah dikemukakan dalam masa 2 bulan selepas tarikh pekeliling ini dikeluarkan kepada:

Unit Perkhidmatan Transplantasi,  
Bahagian Perkembangan Perubatan,  
Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 5, Blok E1 Pusat Pentadbiran Putrajaya,  
Kompleks E 62590 Putrajaya